

30 MAC 2018

## 71 penagih dicekup

# 71 penagih dicekup

### Operasi AADK gempur tiga daerah

ARZIANA MOHMAD  
AZAMAN

#### KUALA SELANGOR

Taktik licik dua penagih berpura-pura tidur di hujung siling rumah berjaya dihidu pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) ketika serbuan di Tanjong Karang.

Dua lelaki yang menyembunyi di sebuah rumah itu antara 71 penagih yang ditahan dalam Operasi Perdana di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor.

Pengarah AADK Selangor, Md Razif Wan berkata, dua remaja bawah umur juga ditahan selepas masing-masing positif dadah

jenis syabu.

"Empat wanita Melayu juga ditahan yang mana salah seorang daripada mereka disyaki pengedar dadah. Turut ditahan dalam operasi ini seorang warga emas berusia 68 tahun yang cuba untuk mendapatkan bekalan di port yang diserbu.

"Hasil pemeriksaan, tangkapan 26 penagih bagi dadah jenis morfin, 21 tangkapan dadah jenis morfin dan ganja, 19 tangkapan dadah jenis syabu dan lima lagi tangkapan jenis ganja.

"Sebenarnya, seramai 78 orang ditahan dalam operasi ini dan selepas ujian saringan awal air kencing mendapati seramai 67 lelaki dan empat wanita positif pelbagai jenis dadah," katanya pada sidang media.

Turut hadir, Penyelaras Operasi Perdana, Mohd Firdaus Abu Bakar dan Ketua Pegawai AADK Daerah Kuala Selangor, Khairul Nizam Abu Samah.



MD RAZIF

Katanya, operasi di-kendalikan 60 pegawai dan anggota itu menyerbu 'port' penagih seperti Bagan Sungai Besar, Bagan Pasir, Bukit Rotan Kuala dan Tanah Perkuburan Islam Kampung Tok Pinang.

Md Razif menegaskan, operasi bertujuan membanteras aktiviti penagihan dan pendedaran dadah di kawasan yang dikenali pasti sebagai berisiko tinggi.

"Usaha ini sejajar dengan kempen Perangi Dadah



Sebahagian penagih yang ditahan dalam operasi bersepadu melibatkan tiga daerah kelmarin dan semalam.

Habis-Habisan dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat setempat.

"Bagi operasi ini, mereka ditahan di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983," katanya yang turut mendapatkan kerjasama

agensi kerajaan termasuk pasukan bomba.

Mengulas lanjut mengenai tindakan penguatkuasaan terhadap penagih bawah umur, Md Razif menjelaskan, pihaknya akan membuat tindakan susulan dengan sekolah dan pejabat

**info** • Dua remaja bawah umur juga ditahan dalam serbuan operasi sama

pendidikan daerah (PPD) berkaitan.

"AADK mempunyai program khas untuk sekolah iaitu Program Intelek Asuhan Rohani (Pintar) untuk sekolah rendah dan Program Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHED) untuk sekolah menengah.

"Kita percaya sekolah adalah institusi mulia dan penagihan dadah dalam kalangan remaja bawah umur ini dipercayai berpunca akibat pengaruh kawan-kawan.

"Jadi, AADK akan berhubung rapat dengan pihak sekolah dan PPD untuk program intervensi kerana mereka ini masih boleh dibentuk dan dipulihkan demi masa depan lebih cerah," katanya.